

Kata Kunci:
Ujian / Cabaran
Sabar
Iman / Yakin
Usaha



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

26 September 2025 / 4 Rabiulakhir 1447H

Ketabahan di Sebalik Kepayahan

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي اَرْسَلَ رَسُوْلَهُ بِالْهُدٰى وَدِيْنِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلٰى الدِّيْنِ كُلِّهِ
وَكَفٰى بِاللّٰهِ شَهِيدًا. اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، وَاشْهَدُ اَنَّ
نَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ
وَاَصْحَابِهِ اَجْمَعِيْنَ. اَمَّا بَعْدُ، فَاَيُّهَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ
اِلَّا وَاَنْتُمْ مُسْلِمُوْنَ.

Zumratal mukminin rahimakumullah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah s.w.t. dengan mentaati segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Jadikanlah setiap kesenangan dan kesusahan penyebab untuk mendekatkan diri kepada-Nya. Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kita kekuatan untuk istiqamah di jalan-Nya. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

Hadirin yang dirahmati Allah,

Pernahkah kita menghadapi **ujian** yang berat, atau menyaksikan kesusahan orang lain, lalu terdetik di hati kita: “*Mengapa Allah membiarkan ini berlaku?*”

Sebagai seorang yang **beriman**, kita percaya bahawa setiap **ujian** datang daripada Allah. **Ujian** adalah lumrah kehidupan, dan setiap insan pasti **diuji**. Firman Allah s.w.t. dalam Surah al-Baqarah ayat 155:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ
الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ ۗ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾

Maksudnya: “*Dan Kami pasti akan **menguji** kamu dengan suatu ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa serta hasil tanaman. Dan sampaikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang **sabar**.*”

Saudaraku sekalian,

Benar, adakalanya **ujian** adalah kaffarah atau balasan daripada Allah s.w.t. Tetapi ini tidak bermakna setiap **ujian** yang menimpa merupakan satu hukuman, atau mungkin dilihat sebagai satu penghinaan ke atas diri kita.

Buktinya, para anbiya juga **diuji** dan dilanda kepayahan hidup. Nabi Muhammad s.a.w. ditindas dan diusir oleh kaumnya sendiri di Makkah. Nabi Ya‘qub a.s. diuji dengan kehilangan anak kesayangannya. Manakala Nabi Ayyub a.s. ditimpa penyakit

bertahun-tahun lamanya, ditambahkan pula dengan kehilangan harta dan keluarga.

Namun, bagaimanakah reaksi mereka? Para anbiya, yang seharusnya kita jadikan teladan, menghadapi **ujian-ujian** tersebut dengan صَبْرٌ جَمِيلٌ (*sobrun jamil*) – sebetuk **kesabaran** yang indah, tiada rungutan, malah penuh pengharapan kepada Allah s.w.t.

Dari contoh-contoh ini, dapat kita simpulkan bahawa seorang Mukmin tidak berputus asa ketika berdepan dengan krisis dan **cabaran** hidup. Seorang yang **beriman** akan mendakap erat **keimanan** yang dilafazkan, dan sekali gus memperhalusi hakikat sifat **sabar**.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Bagaimanakah **iman** dapat membantu dan membentuk pandangan yang lebih baik apabila berhadapan **ujian** hidup?

Pertama: Melihat ujian sebagai jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah

Bagi seorang Mukmin, **ujian** merupakan tanda kasih sayang Allah s.w.t. kepada hamba-Nya. Dalam kitabnya *Al-Fitan wal Balaya*, Imam Al-'Izz bin Abdussalam menjelaskan bahawa terdapat banyak hikmah dalam sesuatu *musibah* atau bencana. Antaranya:

- Menyedarkan insan tentang kelemahan dirinya

- Memupuk sifat kebergantungan kepada Allah
- Membentuk hati yang ikhlas, tawaduk dan tidak sombong
- Mensyukuri nikmat keafiatan yang selama ini diberikan

Maka, **ujian** bukanlah bukti bahawa Allah membenci kita. Sebaliknya, ia adalah satu peringatan dan undangan untuk kita kembali mendekatkan diri kepada-Nya.

Kedua: Melihat segala yang berlaku sebagai kebaikan untuk orang beriman

Iniilah intipati sabda Rasulullah s.a.w. dalam sepotong hadis riwayat Muslim, yang bermaksud: *“Sungguh menakjubkan keadaan orang **beriman**. Semua urusannya adalah baik, dan itu tidak berlaku melainkan bagi orang **beriman**. Jika dia mendapat nikmat, dia bersyukur, maka itu baik baginya. Jika dia ditimpa musibah, dia **bersabar**, maka itu juga baik baginya.”*

Betapa indahnya sudut pandang Islam – sama ada susah atau senang, kedua-duanya membawa kebaikan selagi mana kita menghadapinya dengan rasa syukur dan **sabar**.

Sidang Jumaat yang dimuliakan,

Sehingga hari ini, manusia terus dilanda krisis dan **cabaran** – sama ada dalam soal kesihatan, pendapatan, keluarga, mahupun tekanan sosial. **Ujian** ini mengingatkan kita betapa lemahnya manusia tanpa pertolongan Allah.

Namun jika kita menghadapinya dengan **iman**, **sabar** dan tawakal, **ujian** itu akan berubah menjadi peluang: peluang untuk meneguhkan hati, menyalakan cahaya **iman**, dan menabur kasih dan sokongan kepada sesama insan. Semoga Allah s.w.t. menjadikan kita hamba-Nya yang tetap **keimanannya** dalam susah dan senang.

Ya Allah Ya Rahmān, kurniakanlah kami **keyakinan** yang dapat menjadikan **ujian** dunia terasa ringan bagi kami. Ya Rahīm, janganlah pula Engkau meletakkan **ujian** pada urusan agama kami. Ya Mujīb, perbaikilah setiap urusan kami, perkenankanlah doa kami. Amin, ya Rabbal ‘Alamin.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَزَجَرَ.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Dalam kehidupan, sama ada di peringkat individu, keluarga, masyarakat mahupun umat, kita akan menghadapi ujian yang terkadang pahit untuk ditelan. Begitu perit sehingga emosi mungkin melampaui panduan iman. Ujian yang datang, sama ada dalam bentuk penghinaan ataupun kezaliman, secara lisan atau melalui perbuatan. Ia disengajakan kerana hati yang kasar lagi keras, ataupun kerana kejahilan. Seperti yang dihadapi beberapa masjid kita baru-baru ini, apabila menerima kiriman yang mencero bohi kesucian rumah Allah s.w.t.

Apa pun tujuan dan sebabnya, hanya Allah s.w.t. yang Maha Mengetahui. Sebagai Muslim yang teguh pendirian dan istiqamah terhadap nilai ajaran Baginda s.a.w., kita berpegang teguh dengan pendirian bahawa junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. membawa risalah rahmah dan kesejahteraan dalam semua urusan dan perkara.

Baginda s.a.w. mendidik kita untuk tetap mempamerkan tingkah laku mulia dalam berhadapan dengan pihak yang cuba menyakiti kita, dengan memaafkan dan menyebarkan kebaikan.

Inilah misi perjuangan umat Nabi Muhammad s.a.w., bahawa jika perbuatan sedemikian berhasrat untuk menggugat keamanan dan kesejahteraan umat dan negara, ketahuilah bahawa ia sebenarnya hanya akan menguatkan semangat dan usaha kita untuk memperjuangkan keamanan dan kesejahteraan, sesuai dengan Hadyun Nabawiy. Jika ada yang bertujuan merosakkan hubungan sesama agama dan bangsa, ketahuilah bahawa kita tidak pernah, dan tidak seharusnya menyamakan perbuatan seseorang, atau segelintir manusia, dengan keseluruhan sesuatu bangsa atau agama.

Oleh itu saudaraku, rapatkan saf, teguhkan barisan, jadikan peristiwa sebegini sebagai peringatan agar kita terus menjaga perpaduan. Jaga keharmonian kehidupan kita sesama manusia. Jadikan peristiwa ini bukti keutuhan didikan Nabi Muhammad s.a.w. dalam sanubari, walaupun kita tidak pernah bersua muka dengan Baginda. Elakkan dari berkongsi maklumat yang tidak diketahui kesahihannya, agar kita tidak mengeruhkan keadaan dan terjerumus dalam perangkap syaitan yang sentiasa menantikan kemusnahan kita.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللَّهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَآةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنْ مَعَهُمْ وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْمُزَلَّاتِ وَالْمَحَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنِ بَلَدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبُلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً، وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.